

Jangan ambil mudah – Najib

UM - 17/1/2007

RAUB 16 Jan. – Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru pengundi dan penyokong Barisan Nasional (BN) supaya jangan ambil mudah, tetapi keluar mengundi pada pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam pada 28 Januari ini, walaupun calon BN diyakini mencapai kemenangan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun calon bebas boleh dianggap 'masih berhingus' dalam dunia politik, tetapi penyokong BN tidak boleh mengambil sikap mudah dan terlalu yakin.

"Kita semua telah mengetahui calon bebas bertanding menentang calon BN pada pilihan raya kecil ini, tetapi walaupun calon bebas baru berumur 21 tahun 9 bulan, namun kita tidak boleh pandang ringan dan ambil mudah," kata beliau.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Pelancaran Impian 500 Peringkat Kebangsaan dan Perasmian Penanaman Getah BCMP di Kampung Ria dekat sini hari ini.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dihubungi selepas penamaan calon itu meminta para pengundi kawasan Batu Talam keluar mengundi beramai-ramai bagi memastikan kemenangan calon BN.

Sementara itu, pada majlis sama, Najib memberitahu, kerajaan akan membawa lebih banyak pembangunan ke kawasan Batu Talam pada masa akan datang.

"Buat permulaan, kita sudah meluluskan peruntukan RM2.5 juta hingga RM3 juta bagi membina sebuah jambatan konkrit menggantikan jambatan gantung di sini.

"Kerajaan berharap dengan adanya pembangunan yang banyak di kawasan Batu Talam, penduduk dapat meningkatkan lagi taraf hidup mereka," katanya.

Sementara itu, semasa berucap pada majlis pelancaran Impian 500 Peringkat Kebangsaan dan perasmian Penanaman Getah BCMP di Kampung Ria dekat sini, Najib menyeru masyarakat luar bandar terutama pekebun kecil dan petani supaya mengubah sikap dengan bekerja keras bagi menikmati kehidupan lebih baik.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan bersedia membantu golongan berkenaan keluar daripada garis kemiskinan dengan menyediakan pelbagai program dan strategi bagi meningkatkan pendapatan mereka supaya setaraf dengan penduduk bandar.

Bagaimanapun, kata beliau, untuk mencapai matlamat itu, para pekebun kecil dan petani perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi menikmati pendapatan lebih baik.

"Penduduk luar bandar di kampung-kampung mampu menikmati pendapatan mencecah RM3,600 sebulan menerusi hasil menoreh getah melalui pokok-pokok getah yang berkualiti ditanam di kawasan seluas 2.5 hektar di mana ia ditoreh dalam tempoh 15 hari sebulan.

"Pendapatan yang saya sebut itu bukan satu khayalan seperti rancangan televisyen iaitu *Roda Impian* tetapi adalah satu realiti jika pekebun kecil sanggup menggunakan tulang empat kerat dan mengeluarkan titik peluh sendiri.

"Sasaran RM3,600 mungkin terlalu tinggi tetapi memadai bagi kerajaan jika para petani dan pekebun kecil mampu

memperoleh pendapatan paling minimum RM2,000 sebulan," kata beliau.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Aziz Shamsuddin; Pengerusi Risda, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Ketua UM-NO Bahagian Raub, Datuk Shahiruddin

Moin.

Menurut Najib, melalui penggunaan teknologi dan penyelidikan, Risda telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan pekebun kecil iaitu dengan menanam pokok getah 500 batang bagi tanah seluas satu hektar, berbanding 300 pokok sebelum ini dengan keluasan sama.